

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN TANJAKAN HUBUNGAN KUCHAI 2 (KUCHAI LINK 2) DI PERSIMPANGAN KUCHAI LAMA, LEBUHRAYA SUNGAI BESI

KUALA LUMPUR: Kementerian Kerja Raya ingin mengumumkan bahawa pembukaan Tanjakan Hubungan Kuchai 2 (Kuchai Link 2) di Persimpangan Kuchai Lama bermula pada **jam 10.00 pagi, 12 November 2020.**

Projek Kuchai Link 2 sepanjang 1.17 kilometer ini bermula di Persimpangan Kuchai Entrepreneur dan berakhir di KM11.1. Projek ini melibatkan kerja-kerja pelebaran jalan sedia ada, pemansuhan sistem lampu isyarat di Persimpangan Kuchai Lama dan pembinaan jejambat dua (2) lorong sehalu dari Jalan Kuchai Lama ke Lebuhraya Besraya. Pembukaan Kuchai Link 2 ini mampu mengurangkan masa perjalanan kira-kira 10 hingga 15 minit pada waktu puncak.

Kuchai Link 2 telah dibina dengan kos sebanyak RM60 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak Besraya di bawah pemantauan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Projek ini mula dibina pada Oktober 2017 dan telah siap sepenuhnya pada 30 Oktober 2020.

Menerusi Kuchai Link 2 ini, pengguna lebuhraya tidak perlu lagi menunggu di Persimpangan Kuchai Lama kerana sistem lampu isyarat 4 fasa yang sedia ada telah dimansuhkan dan digantikan dengan laluan tanpa henti (free flow). Kuchai Link 2 juga dapat meningkatkan kapasiti kenderaan di Jalan Kuchai Lama sekaligus membantu melancarkan aliran trafik di kawasan sekitar.

Pengguna yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh menghubungi *hotline* Lembaga Lebuhraya Malaysia di talian **1800 88 7752.**

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

11 November 2020

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my